UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

# KEPENTINGAN UPSI DALAM PERKEMBANGAN SEKTOR PERUNCITAN DI TANJONG MALIM-HULU BERNAM

ROSLAN B. SAAD

PROJEK INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA

( GEOGRAFI )

FAKULTI SAINS KEMANUSIAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID

# PERANAN UPSI DALAM PERKEMBANGAN SEKTOR PERUNCITAN DI TANJONG MALIM DAN HULU BERNAM

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti peranan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dalam menentukan perkembangan perniagaan peruncitan di sekitar Tanjong Malim dan Hulu Bernam. Penelitian terhadap aspek demografi penduduk, latar belakang ekonomi, gaya hidup, permintaan, persaingan, infrastruktur, lokasi dan elemen lain yang mempunyai kaitan dengan perkembangan perniagaan runcit di Tanjong Malim dan Hulu Bernam dikaji. Kesemua pemboleh ubah ini dikaji kerana ia mempengaruhi corak penawaran barangan dan perkhidmatan untuk memenuhi kehendak pengguna yang terdiri daripada masyarakat setempat, pelajar dan kakitangan UPSI. Dengan menggunakan kaedah soal selidik dan temu bual bersemuka, seramai 110 responden yang menjalankan perniagaan runcit di Tanjong Malim dan Hulu Bernam yang mengembalikan borang soal selidik sepanjang tempoh kutipan data di lapangan dijadikan sebagai unit analisis untuk menjawab persoalan dan objektif kajian yang dibentuk. Jawapan yang diperoleh daripada borang soal selidik dan proses ditemu bual tidak formal dianalisis secara deskriptif untuk mendapat gambaran jawapan kepada persoalan hubungan UPSI dalam menentukan perkembangan sektor peruncitan yang dijalankan di Tanjong Malim dan Hulu Bernam. Dapatan mencadangkan bahawa perkembangan sektor peruncitan di Tanjong Malim dan Hulu Bernam bukan hanya dipengaruhi oleh UPSI semata-mata tetapi juga kerana pembinaan Bandar Proton, Politeknik Sultan Azlan Shah, Bandar Behrang 2020 dan INSTUN yang turut memberi peranan kepada perkembangan sektor peruncitan di Tanjong Malim dan Hulu Bernam. Senario ini mengubah pola taburan dan demografi, ekonomi, struktur dan lokasi perniagaan, guna tanah, jenis barangan yang ditawarkan, budaya, infrastruktur dan perkhidmatan di Tanjong Malim dan Hulu Bernam.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
UPD DONE MyTO SCAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID

# THE ROLE OF UPSI IN THE EXPANSION OF RETAIL SECTOR IN TANJONG MALIM AND HULU BERNAM

## ABSTRACT

This study aims to identify the role of Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) in determining the development of retail business within Tanjong Malim and Hulu Bernam vicinity. Analysis on demographic aspects, economic background, lifestyles, demand, competition, infrastructure, location and other elements associated with the development of the retail business in Tanjong Malim and Hulu Bernam were conducted. All these variables are studied to measure how they may affect the pattern of supply of goods and services to meet the needs of consumers from among local people, students and staff of UPSI. By using questionnaires and interviews, a total of 110 respondents in retail businesses in Tanjong Malim and Hulu Bernam were sampled and their responses were used to analyse the findings of this study. The responses gathered were analysed descriptively to build the answer to the question of UPSI's influence in determining the development of retail sector in the Tanjong Malim and Hulu Bernam. The study found that the development of retail sector in Tanjong Malim and Hulu Bernam is not influenced solely by UPSI, but also by the development of Proton City, the Sultan Azlan Shah Polytechnic, Behrang 2020, and INSTUN. This scenario has changed the distribution pattern and demography, economy, structures and locations of businesses, land use, goods offered, cultures, infrastructures and services in Tanjong Malim and Hulu Bernam.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

## SENARAI KANDUNGAN


| Perkara | Muka Surat |
|---|---|
| Pengakuan | ii |
| Penghargaan | iii |
| Abstrak | iv |
| Abstract | v |
| Senarai Kandungan | vi |
| Senarai Jadual | xiv |
| Senarai Rajah | xvii |

**BAB 1 PENDAHULUAN**

| | | |
|---|---|---|
| 1.1 | Latar Belakang Kajian | 1 |
| 1.2 | Pernyataan Masalah | 10 |
| 1.3 | Rangka Kerja Konsep, Orientasi dan Skop Kajian | 15 |
| 1.4 | Matlamat Kajian | 18 |
| 1.5 | Objektif Kajian | 19 |
| 1.6 | Andaian Kajian | 19 |
| 1.7 | Kepentingan Kajian | 20 |
| 1.7.1 | Kepentingan daripada segi ilmu | 20 |
| 1.7.2 | Manfaat kepada peniaga | 20 |
| 1.7.3 | Kepentingan kepada Majlis Daerah Tanjong Malim, Hulu Selangor dan UPSI | 22 |


UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

1.8 Organisasi Penulisan Laporan 23

BAB 2 FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PERKEMBANGAN AKTIVITI PERUNCITAN DALAM RUANG: SATU ULASAN LITERATUR

2.1 Pengenalan 26

2.2 Perniagaan 26

2.2.1 Peruncitan 28

2.2.2 Sejarah peruncitan di Malaysia 33

2.2.3 Kepentingan peruncitan sebagai penjana ekonomi 35

2.3 Guna tanah 41

2.4 Teori berkaitan aktiviti peruncitan 45

2.4.1 Model Hierarki Keperluan Manusia 46

2.4.2 Teori Christaller 55

2.4.3 Pengubahsuaian Teori Christaller oleh Berry-Garrison 63

2.4.4 Teori Kutub Pertumbuhan 68

2.5 Kepentingan lokasi dalam perniagaan peruncitan 72

2.6 Sintesis kajian lampau 76

2.7 Kesimpulan 85

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

**BAB 3 KAEDAH KAJIAN**

3.1 Pengenalan 86

3.2 Tanjong Malim dan Hulu Bernam sebagai satu unit analisis 87

3.3 Strategi Kajian 88

3.4 Kerangka Pensampelan 88

3.5 Pengumpulan Data 92

3.5.1 Soal selidik 92

3.5.2 Temu bual 94

3.6 Kajian Rintis 95

3.7 Analisis Data 95

3.8 Kesimpulan 96

**BAB 4 KAWASAN KAJIAN**

4.1 Pengenalan 97

4.2 Latar belakang kawasan kajian 97

4.2.1 Latar belakang Tanjong Malim dan Hulu Bernam 99

4.2.2 Populasi 104

4.2.3 Kemudahan awam dan perhubungan 109

4.2.4 Guna tanah 112

4.3 Rasional pemilihan kawasan kajian 116

4.4 Kesimpulan 117

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID

**BAB 5 DAPATAN KAJIAN**

N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

5.1 Pengenalan 118

5.2 Latar belakang responden 118

5.2.1 Umur responden 120

5.2.2 Jantina, bangsa dan latar belakang pendidikan responden 121

5.2.3 Perkaitan antara bangsa responden dan jenis milikan perniagaan 126

5.2.4 Perkaitan antara bangsa responden dengan taraf pendidikan responden 127

5.2.5 Jumlah tahun menetap di Tanjong Malim dan Hulu Bernam dan negeri asal responden 130

5.3 Analisis maklumat perniagaan peruncitan di Tanjong Malim dan Hulu Bernam 134

5.3.1 Tahun memulakan operasi perniagaan 134

5.3.2 Jenis milikan perniagaan 136

5.3.3 Jenis kedai perniagaan 136

5.3.4 Jenis barangan yang sering dibeli oleh pelanggan 137

5.3.5 Waktu operasi perniagaan 139

5.3.6 Waktu paling sibuk urus niaga dalam sehari 140

5.3.7 Purata anggaran pelanggan dalam sehari 142

5.3.8 Bilangan pekerja responden 143

5.3.9 Tahap pendidikan formal responden dalam bidang perniagaan 144

5.3.10 Jenis promosi perniagaan 145

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P


5.3.11 Persaingan dalam perniagaan 147

5.3.12 Peniaga tahu hak pengguna 149

5.3.13 Barangan kawalan kerajaan 150

5.3.14 Peniaga mempunyai cawangan perniagaan 151

5.3.15 Pandangan peniaga berkaitan penubuhan Majlis Harga Negara 152

5.4 Analisis kepentingan dan pengaruh UPSI 153

5.4.1 Jarak premis perniagaan runcit dengan UPSI 153

5.4.2 Faktor pemilihan lokasi premis perniagaan responden 155

5.4.3 Faktor mendorong memilih operasi perniagaan runcit 157

5.4.4 Golongan sasaran mengikut keutamaan perniagaan 159

5.4.5 Pengaruh terbesar dalam perniagaan 162

5.4.6 Pertambahan bilangan pelajar dan kakitangan UPSI memberi kesan positif terhadap perniagaan 163

5.4.7 Cuti semester UPSI memberi kesan terhadap aktiviti perniagaan runcit 165

5.4.8 Mempunyai alternatif perniagaan semasa cuti semester UPSI 168

5.4.9 Jenis alternatif menstabilkan perniagaan 169

5.4.10 Mengetahui jadual cuti semester UPSI 170

5.4.11 Pertambahan bilangan pelajar UPSI mempengaruhi kadar keuntungan perniagaan 170

5.4.12 Memberi tumpuan kepada jenis barangan keperluan pelajar dan kakitangan UPSI 171

5.4.13 Naik taraf IPSI-UPSI memberi kesan positif berbanding MPSI-IPSI 171


UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P


| | | |
|---|---|---|
| 5.4.14 | Menjalankan perniagaan pada cuti hujung minggu | 171 |
| 5.4.15 | Faktor menjalankan perniagaan semasa cuti hujung minggu | 173 |
| 5.4.16 | Perniagaan runcit paling menguntungkan | 175 |
| 5.4.17 | Peningkatan pembinaan rumah kedai di Tanjong Malim-Hulu Bernam disebabkan naik taraf IPSI kepada UPSI | 176 |
| 5.4.18 | Kawasan paling strategik untuk perniagaan | 176 |
| 5.4.19 | Naik taraf IPSI kepada UPSI menyebabkan harga barangan tinggi | 177 |
| 5.4.20 | Kepentingan UPSI dalam menentukan kemajuan dan perkembangan ekonomi | 178 |
| 5.4.21 | Kesan penutupan jalan untuk pembinaan rel kereta api elektrik | 179 |
| 5.5 | Analisis pertambahan premis perniagaan dan guna tanah perniagaan di Tanjong Malim dan Hulu Bernam | 181 |
| 5.5.1 | Pertambahan guna tanah perniagaan di Tanjong Malim | 182 |
| 5.5.2 | Pertambahan guna tanah perniagaan di Hulu Bernam | 186 |
| 5.5.3 | Naik taraf IPSI kepada UPSI menyebabkan perubahan guna tanah perniagaan akibat daripada perubahan demografi, ekonomi dan faktor sosio-budaya | 189 |
| 5.5.4 | Jenis barangan dan perkhidmatan yang disediakan kepada pelanggan serta golongan pelanggan terlibat | 196 |
| 5.5.5 | Ujian Khi Kuasa Dua Kebagusan | 200 |
| 5.6 | Kesimpulan | 215 |


UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

**BAB 6 RUMUSAN DAN CADANGAN**

| | | |
|---|---|---|
| 6.1 | Pengenalan | 216 |
| 6.2 | Rumusan Kajian | 217 |
| 6.3 | Cadangan Kajian Lanjutan | 221 |
| 6.3.1 | Cadangan menambah baik sektor peruncitan di Tanjong Malim-Hulu Bernam | 221 |
| 6.3.2 | Cadangan skop kajian yang lebih menyeluruh | 224 |
| 6.3.3 | Cadangan kajian penyelidikan pemilihan lokasi | 225 |
| 6.3.4 | Cadangan penyelidikan nilai tambah yang disediakan oleh peruncit | 226 |
| 6.4 | Kesimpulan | 227 |
| **Rujukan** | | 228 |
| Lampiran 1 | Borang Soal selidik | 234 |
| Lampiran 2 | Ujian Kebolehpercayaan | 243 |
| Lampiran 3 | Ujian Khi Kuasa Dua Kebagusan ke atas jenis milikan perniagaan responden | 247 |
| Lampiran 4 | Ujian Khi Kuasa Dua Kebagusan ke atas jenis perniagaan runcit responden | 249 |
| Lampiran 5 | Ujian Khi Kuasa Dua Kebagusan masa responden memulakan perniagaan di Tanjong Malim dan Hulu Bernam | 251 |
| Lampiran 6 | Ujian Khi Kuasa Dua Kebagusan terhadap taraf pendidikan responden di Tanjong Malim dan Hulu Bernam | 253 |
| Lampiran 7 | Ujian Khi Kuasa Dua Kebagusan ke atas jenis promosi yang dijalankan oleh responden | 255 |
| Lampiran 8 | Ujian Khi Kuasa Dua Kebagusan ke atas jarak premis perniagaan runcit responden dengan UPSI | 258 |

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS


| | | |
|---|---|---|
| Lampiran 9 | Ujian Khi Kuasa Dua Kebagusan ke atas faktor yang mempengaruhi pemilihan lokasi premis perniagaan dalam kalangan responden di Tanjong Malim dan Hulu Bernam | 260 |
| Lampiran 10 | Ujian Khi Kuasa Dua Kebagusan terhadap faktor-faktor mempengaruhi responden membuka perniagaan runcit di Tanjong Malim dan Hulu Bernam | 265 |
| Lampiran 11 | Ujian Khi Kuasa Dua Kebagusan sasaran utama perniagaan responden di Tanjong Malim dan Hulu Bernam | 269 |
| Lampiran 12 | Ujian Khi Kuasa Dua Kebagusan kesan cuti semester UPSI terhadap perniagaan yang dijalankan oleh responden | 272 |
| Lampiran 13 | Ujian Khi Kuasa Dua Kebagusan terhadap strategi alternatif responden bagi menyeimbangkan perniagaan semasa cuti semester UPSI | 275 |
| Lampiran 14 | Ujian Khi Kuasa Dua Kebagusan terhadap faktor yang mendorong responden membuka perniagaan runcit semasa cuti hujung minggu | 278 |
| Lampiran 15 | Ujian Khi Kuasa Dua Kebagusan kawasan paling strategik untuk berniaga di Tanjong Malim dan Hulu Bernam | 281 |
| Lampiran 16 | Ujian Khi Kuasa Dua Kebagusan barangan pilihan utama pelanggan | 283 |
| Lampiran 17 | Ujian Khi Kuasa Dua Kebagusan sasaran utama dan kedua utama pelanggan responden | 286 |


UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

## SENARAI JADUAL

| Jadual | | Muka Surat |
|---|---|---|
| 1.1 | Guna tanah di Tanjong Malim | 4 |
| 1.2 | Pertambahan pelajar UPSI, 1997-2008 | 11 |
| 2.1 | Struktur Pertubuhan Jualan Borong Semenanjung Malaysia | 36 |
| 3.1 | Ujian kebolehpercayaan terhadap item persepsi | 94 |
| 4.1 | Unjuran penduduk mengikut pusat petempatan utama Hulu Selangor, 1991-2020 | 108 |
| 4.2 | Kemudahan awam dan perkhidmatan di Tanjong Malim | 109 |
| 5.1 | Umur peniaga kedai runcit di Tanjong Malim dan Hulu Bernam | 121 |
| 5.2 | Taraf pendidikan responden | 124 |
| 5.3 | Perkaitan antara jenis perniagaan dengan jantina responden | 125 |
| 5.4 | Perkaitan antara bangsa responden dan jenis milikan perniagaan | 127 |
| 5.5 | Perkaitan antara bangsa responden dengan taraf pendidikan responden | 128 |
| 5.6 | Jumlah tahun menetap di kawasan kajian | 131 |
| 5.7 | Tahun memulakan perniagaan runcit | 135 |
| 5.8 | Masa memulakan perniagaan | 140 |
| 5.9 | Jenis institusi pendidikan formal responden | 145 |
| 5.10 | Jenis promosi yang dijalankan oleh responden | 146 |
| 5.11 | Jenis persaingan perniagaan di Tanjong Malim dan Hulu Bernam | 148 |
| 5.12 | Senarai jenis perniagaan yang membuka cawangan | 151 |
| 5.13 | Jarak premis perniagaan runcit responden dengan UPSI | 154 |

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS


| | | |
|---|---|---|
| 5.14 | Faktor pemilihan lokasi perniagaan | 156 |
| 5.15 | Faktor mempengaruhi responden membuka perniagaan | 158 |
| 5.16 | Golongan pelanggan mengikut keutamaan daripada perspektif peniaga | 160 |
| 5.17 | Pengaruh terbesar dalam perniagaan | 162 |
| 5.18 | Kesan pertambahan pelajar dan kakitangan terhadap peniaga | 164 |
| 5.19 | Kesan cuti semester UPSI terhadap aktiviti perniagaan runcit di Tanjong Malim dan Hulu Bernam | 167 |
| 5.20 | Jenis alternatif menstabilkan perniagaan | 169 |
| 5.21 | Pendapat responden berkaitan perniagaan runcit paling menguntungkan di Tanjong Malim dan Hulu Bernam | 175 |
| 5.22 | Pendapat responden kesan daripada pembinaan rel keretapi elektrik di Tanjong Malim dan Hulu Bernam | 180 |
| 5.23 | Jumlah premis perniagaan di Tanjong Malim selepas IPSI dinaik taraf kepada UPSI | 185 |
| 5.24 | Jumlah premis perniagaan di Hulu Bernam selepas IPSI dinaik taraf kepada UPSI | 188 |
| 5.25 | Pendapat responden kawasan paling strategik untuk perniagaan | 193 |
| 5.26 | Ujian Khi Kuasa Dua Kebagusan ke atas jenis milikan perniagaan responden | 200 |
| 5.27 | Ujian Khi Kuasa Dua Kebagusan ke atas jenis perniagaan runcit responden | 201 |
| 5.28 | Ujian Khi Kuasa Dua Kebagusan masa responden memulakan perniagaan di Tanjong Malim dan Hulu Bernam | 202 |
| 5.29 | Ujian Khi Kuasa Dua Kebagusan terhadap taraf pendidikan responden di Tanjong Malim dan Hulu Bernam | 203 |
| 5.30 | Ujian Khi Kuasa Dua Kebagusan ke atas jenis promosi yang dijalankan oleh responden | 204 |


UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS


| | | |
|---|---|---|
| 5.31 | Ujian Khi Kuasa Dua Kebagusan ke atas jarak premis perniagaan runcit responden dengan UPSI | 205 |
| 5.32 | Ujian Khi Kuasa Dua Kebagusan ke atas faktor yang mempengaruhi pemilihan lokasi premis perniagaan dalam kalangan responden di Tanjong Malim dan Hulu Bernam | 206 |
| 5.33 | Ujian Khi Kuasa Dua Kebagusan terhadap faktor-faktor mempengaruhi responden membuka perniagaan runcit di Tanjong Malim dan Hulu Bernam | 207 |
| 5.34 | Ujian Khi Kuasa Dua Kebagusan sasaran utama perniagaan responden di Tanjong Malim dan Hulu Bernam | 208 |
| 5.35 | Ujian Khi Kuasa Dua Kebagusan kesan cuti semester UPSI terhadap perniagaan yang dijalankan oleh responden | 209 |
| 5.36 | Ujian Khi Kuasa Dua Kebagusan terhadap strategi alternatif responden bagi menyeimbangkan perniagaan semasa cuti semester UPSI | 210 |
| 5.37 | Ujian Khi Kuasa Dua Kebagusan terhadap faktor yang mendorong responden membuka perniagaan runcit semasa cuti hujung minggu | 211 |
| 5.38 | Ujian Khi Kuasa Dua Kebagusan kawasan paling strategik untuk berniaga di Tanjong Malim dan Hulu Bernam | 212 |
| 5.39 | Ujian Khi Kuasa Dua Kebagusan barangan pilihan utama pelanggan | 213 |
| 5.40 | Ujian Khi Kuasa Dua Kebagusan sasaran utama dan kedua utama responden | 214 |


UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

## SENARAI RAJAH

**Rajah** **Muka Surat**


| | | |
|---|---|---|
| 1.1 | Pemandangan semasa perasmian SITC pada tahun 1922 | 5 |
| 1.2 | Kedudukan UPSI di Tanjong Malim | 6 |
| 1.3 | Panduan jalan ke UPSI | 7 |
| 1.4 | Jumlah penduduk Tanjong Malim, 1980, 1991, 2000 dan 2010 | 12 |
| 1.5 | Jumlah dan unjuran penduduk Hulu Bernam, 1991-2020 | 14 |
| 1.6 | Rangka Kerja Konsep Kajian | 17 |
| 2.1 | Proses pembelian pengguna | 39 |
| 2.2 | Faktor dan akibat perubahan guna tanah | 44 |
| 2.3 | Keperluan manusia dalam Hierarki Maslow | 47 |
| 2.4 | Model Petempatan Pusat Christaller | 58 |
| 2.5 | Kawasan perdagangan | 61 |
| 2.6 | Tiga Prinsip Petempatan Pusat | 62 |
| 2.7 | Pusat membeli belah berhierarki di dalam bandar | 65 |
| 2.8 | Pendekatan analisis lokasi | 75 |
| 2.9 | Model Strategi Peruncit oleh Manroe & Guiltinan (1975) | 83 |
| 3.1 | Aktiviti dan Kaedah Kajian | 89 |
| 4.1 | Kawasan dan sempadan kawasan kajian | 98 |
| 4.2 | Daerah-daerah dalam Batang Padang | 100 |
| 4.3 | Imej satelit kawasan Tanjong Malim dan Hulu Bernam | 101 |
| 4.4 | Imej satelit kawasan Tanjong Malim dan Hulu Bernam | 102 |
| 4.5 | Jumlah penduduk dan unjuran penduduk Tanjong Malim | 105 |


UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P


| | | |
|---|---|---|
| 4.6 | Komposisi etnik Tanjong Malim, 2004 | 106 |
| 4.7 | Jumlah penduduk Tanjong Malim di kawasan bandar | 107 |
| 4.8 | Jumlah dan unjuran penduduk di Hulu Bernam, 1991-2020 | 107 |
| 4.9 | Jalan perhubungan Tanjong Malim dan Hulu Bernam | 110 |
| 4.10 | Guna tanah di Tanjong Malim | 113 |
| 4.11 | Perniagaan dan perkhidmatan di Tanjong Malim | 114 |
| 4.12 | Jenis guna tanah di Hulu Selangor | 115 |
| 5.1 | Jantina responden | 122 |
| 5.2 | Bangsa responden | 123 |
| 5.3 | Negeri asal responden | 133 |
| 5.4 | Jenis kedai perniagaan | 137 |
| 5.5 | Barangan yang sering dibeli oleh pelanggan | 138 |
| 5.6 | Waktu paling sibuk urus niaga dalam sehari | 141 |
| 5.7 | Purata anggaran pelanggan dalam sehari | 142 |
| 5.8 | Bilangan pekerja responden | 143 |
| 5.9 | Peratus responden yang menerima dan tidak menerima pendidikan formal dalam bidang perniagaan | 144 |
| 5.10 | Peniaga tahu hak pengguna | 149 |
| 5.11 | Peniaga mengetahui barangan kawalan kerajaan | 150 |
| 5.12 | Pendapat peniaga berkaitan penubuhan Majlis Harga Negara | 153 |
| 5.13 | Sasaran utama dan kedua pelanggan menurut perspektif responden | 161 |
| 5.14 | Kesan cuti semester UPSI terhadap aktiviti perniagaan runcit di Tanjong Malim dan Hulu Bernam | 166 |


UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P


| | | |
|---|---|---|
| 5.15 | Peniaga yang mempunyai alternatif menstabilkan perniagaan | 168 |
| 5.16 | Peniaga yang menjalankan perniagaan pada cuti hujung minggu | 172 |
| 5.17 | Faktor membuka perniagaan semasa cuti hujung minggu | 174 |
| 5.18 | Pembinaan rumah kedai di Tanjong Malim dan Hulu Bernam disebabkan naik taraf IPSI kepada UPSI | 176 |
| 5.19 | Naik taraf IPSI kepada UPSI menyebabkan harga barangan menjadi lebih mahal | 178 |
| 5.20 | Kepentingan UPSI sebagai pemangkin kemajuan dan perkembangan ekonomi di Tanjong Malim dan Hulu Bernam | 179 |
| 5.21 | Kawasan Tanjong Malim | 184 |
| 5.22 | Kawasan Hulu Bernam | 186 |
| 5.23 | Jumlah premis perniagaan di Tanjong Malim dan Hulu Bernam | 188 |
| 5.24 | Penubuhan UPSI memberi kesan positif berbanding MPSI-IPSI | 191 |
| 5.25 | Pembinaan rumah kedai di Tanjong Malim dan Hulu Bernam disebabkan naik taraf IPSI kepada UPSI | 194 |
| 5.26 | Kepentingan UPSI dalam mempengaruhi perkembangan ekonomi dan kemajuan di Tanjong Malim dan Hulu Bernam | 195 |
| 5.27 | Barangan sering dibeli oleh pelanggan | 197 |
| 5.28 | Sasaran utama dan kedua pelanggan responden | 198 |
| 5.29 | Naik taraf IPSI kepada UPSI menyebabkan harga barangan menjadi lebih mahal di Tanjong Malim dan Hulu Bernam | 199 |


UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

# BAB 1

# PENDAHULUAN

## 1.1 Latar Belakang Kajian

Aktiviti perniagaan pada hari ini begitu kompleks berbanding dengan zaman dahulu. Ekonomi negara yang pesat berkembang menyebabkan wujud persaingan sengit bagi mereka yang menceburkan diri dalam bidang perniagaan. Masing-masing akan merancang dan menyusun berbagai-bagai strategi perniagaan untuk memastikan setiap peluang terbuka dapat mereka miliki dan tidak terlepas ke tangan pesaing lain. Bagi pihak pengguna pula, kehendak mereka juga berbagai-bagai rupa di samping bersikap lebih kritis daripada segi memilih barangan dan perkhidmatan. Oleh itu, kejayaan sesebuah organisasi perniagaan bergantung kepada keupayaan organisasi memilih dan mengenal pasti kehendak tersebut. Sekiranya sesuatu barangan atau produk dan perkhidmatan sesebuah organisasi perniagaan menjadi pilihan pengguna maka sudah pasti perniagaan itu mendapat keuntungan. Barangan atau perkhidmatan ini pula sangat bergantung kepada kecekapan sistem yang dibangunkan untuk mempercepatkan mahupun melicinkan operasi. Perkhidmatan yang efisien dan berdaya saing sudah tentu memerlukan sistem yang lebih canggih dan terkini (Sabri, 2005).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Menawarkan barangan yang sama dalam kalangan para peniaga menyebabkan wujudnya persaingan untuk menarik golongan pembeli. Oleh itu, untuk sentiasa berada di hadapan, para peniaga perlu peka kepada kehendak pengguna dengan memberi penekanan terhadap mutu, perkhidmatan dan keselamatan sesuatu barangan. Sesebuah organisasi perniagaan perlu menandingi pesaingnya dengan menggunakan strategi pemasaran dan teknologi yang lebih moden. Ini adalah kerana kejayaan sesuatu persaingan dan saiz pasaran yang akan dinikmati banyak bergantung kepada (1) keupayaan sesuatu perniagaan mengeluarkan produk sesuai dengan permintaan semasa, (2) muncul sebagai pihak terawal yang mampu memperoleh keuntungan paling maksimum dan (3) terakhir ditimpa bencana (Ernst, 1997). Justeru, para peniaga perlu melengkapkan diri dengan ilmu dan kaedah moden yang pelbagai jenis ini.

Perkembangan positif dalam bidang perniagaan sangat penting bagi pertumbuhan ekonomi dan kemajuan sama ada kepada individu, masyarakat atau negara. Salah satu cabang perniagaan ialah perniagaan runcit yang merupakan salah satu industri yang memberikan sumbangan besar dalam sektor perniagaan. Pertumbuhan menggalakkan dengan penglibatan ramai pelabur berinsentifkan modal mewujudkan persaingan yang sengit dalam industri ini. Persaingan yang hebat akan menyebabkan jumlah pertumbuhan daripada segi bilangan akan menjadi kecil dan ramai peruncit akan menekankan kepada perkhidmatan dan layanan terbaik kepada pelanggan serta pasaran lebih luas dan berintensifkan modal. Fenomena ini akan menyebabkan peruncit yang mempunyai matlamat jelas, berdaya saing dan cemerlang sahaja akan mampu kekal dalam pasaran kerana ia berjaya memenangi hati pelanggan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Penyelidikan ini bertujuan mengkaji bagaimana faktor perkembangan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) mempengaruhi perniagaan runcit di Tanjong Malim dan Hulu Bernam. Penelitian terhadap aspek demografi penduduk, ekonomi, gaya hidup, permintaan, persaingan, infrastruktur, lokasi dan elemen-elemen lain yang ada kaitan dengan perkembangan perniagaan runcit di Tanjong Malim dan Hulu Bernam diteliti. Kesemua pemboleh ubah ini penting diteliti kerana ia boleh mempengaruhi penawaran pelbagai barangan dan perkhidmatan untuk memenuhi kehendak pengguna. Kewujudan sesuatu institusi pengajian tinggi, kemudahan untuk mendapat penjagaan kesihatan, terdapatnya jabatan kerajaan dan swasta ternyata memberi manfaat kepada penduduk yang tinggal di Tanjong Malim dan Hulu Bernam. Sistem perhubungan yang baik di samping kedudukan Tanjong Malim dan Hulu Bernam yang berhampiran dengan Kuala Lumpur pula telah menyebabkan nilai hartanah menjadi tinggi sekaligus meningkatkan persaingan dalam kalangan peruncit.

Penubuhan dan perkembangan UPSI telah memberi impak yang besar sama ada daripada segi positif mahupun negatif terhadap corak guna tanah di sekitar kawasan Tanjong Malim dan Hulu Bernam yang merangkumi perniagaan, perumahan, pertanian, perindustrian, perhutanan, infrastruktur dan alam sekitar (Jadual 1.1). Meskipun begitu, kajian ini hanya berfokuskan guna tanah bagi keperluan perniagaan runcit di Tanjong Malim dan Hulu Bernam akibat daripada penubuhan UPSI yang telah membawa perubahan besar terhadap Tanjong Malim dan Hulu Bernam daripada segi demografi penduduk, ekonomi, budaya, permintaan, persaingan dan penawaran. Wujudnya UPSI telah menjadi pemangkin kepada pembangunan bandar Tanjong Malim dan Hulu Bernam

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID

kerana ia merancakkan lagi perkembangan aktiviti peruncitan. Walaupun penubuhan SITC pada tahun 1922, MPSI tahun 1957 dan IPSI tahun 1987 telah lama berlaku di Tanjong Malim tetapi pembangunan di sekitarnya menjadi pesat setelah IPSI dinaik taraf kepada UPSI pada tahun 1997 menjadi sebuah universiti. Daripada segi hierarki fungsi bandar, Tanjong Malim merupakan pusat wilayah bagi Lembah Bernam dan berperanan sebagai pemangkin pembangunan ekonomi di wilayah tersebut.

Jadual 1.1

*Guna tanah di Tanjong Malim*

| Sektor | Luas (Hektar) |
|---|---|
| Kediaman | 1.288.19 |
| Industri | 840.04 |
| Perniagaan dan perkhidmatan | 127.53 |
| Institusi dan kemudahan masyarakat | 841.14 |
| Tanah lapang dan rekreasi | 724.17 |
| Pengangkutan | 1.219.52 |
| Infrastruktur dan utiliti | 227.79 |
| Pertanian | 12.965.54 |
| Penternakan dan akuakultur | 95.45 |
| Hutan | 7.408.98 |
| Badan air | 102.09 |
| **Jumlah Keseluruhan** | **25.840.24** |

Sumber: Majlis Daerah Tanjong Malim, 2011

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) ditubuhkan pada 1 Mei 1997 melalui *Warta Kerajaan P. U. (A) 132 dan 133,* bertarikh 24 Februari 1997, di bawah dua buah Perintah iaitu *Perintah Pendidikan Sultan Idris (Perbadanan) 1997* dan *Perintah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Kampus) 1997.* Universiti Pendidikan Sultan Idris adalah kesinambungan daripada penubuhan Sultan Idris Training College for Malay

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Teachers (SITC) yang ditubuhkan pada tahun 1922 khusus untuk melatih guru-guru yang akan mengajar di sekolah-sekolah Melayu (Rajah 1.1).



*Rajah 1.1.* Pemandangan semasa perasmian SITC pada tahun 1922

Sumber: Abu Bakar Nordin, 2000

SITC ditubuhkan atas cadangan Winstedt apabila beliau pulang daripada melawat Pulau Jawa dan Filipina pada tahun 1916. Pada ketika itu beliau menjawat jawatan Penolong Pengarah Pelajaran bagi sekolah-sekolah Melayu di Tanah Melayu. Cadangan bagi menamakan maktab ini dengan nama *The Sultan Idris Training College for Malaysia Teachers (SITC)* oleh Winstedt telah diperkenankan oleh ke Bawah Duli yang Maha Mulia Sultan Abdul Jalil pada Mei 1917. Ia dianggap sebagai satu penghargaan kepada perjuangan Sultan Idris dalam bidang pendidikan di Tanah Melayu.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Jumlah pelajar UPSI bertambah setiap tahun, bermula dengan seramai 338 orang pelajar pada tahun 1997 kemudian menjadi 13,806 orang pada tahun 2008 dan hampir 15,000 orang pada tahun 2011 (Laporan Tahunan dan Bahagian Akademik-Unit Rekod UPSI Tahun 2009). Rajah 1.2 dan Rajah 1.3 menunjukkan kedudukan strategik UPSI di Tanjong Malim yang berada di laluan jalan raya utama dan menghubungkan antara negeri Perak dengan Hulu Selangor. Kemudahan jalan raya ini berjaya meningkatkan tahap ketersampaian bagi kedua-dua buah negeri yang terletak bersempadanan antara satu sama lain.




*Rajah 1.2.* Kedudukan UPSI di Tanjong Malim

Sumber: Jabatan Geografi dan Alam Sekitar, UPSI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN




*Rajah 1.3.* Panduan jalan ke UPSI

Sumber: http:en.wkipedia.org/wki/Tanjong Malim

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS